

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' HAJI JEFRIDIN BIN  
HAJI ATAN**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 7:**

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kanak-kanak yang kehilangan ibu, bapa, atau kedua-duanya disebabkan pandemik COVID-19 dan apakah usaha dilakukan Kementerian dalam memastikan kebajikan kanak-kanak ini terbela dan tidak diabaikan khususnya dalam aspek kesihatan mental dan psikologi kanak-kanak yang terkesan teruk disebabkan kehilangan ibu bapa secara tiba-tiba.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BIN DATO' SIDEK**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 42:**

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan intervensi, perlindungan, perkembangan dan kesejahteraan sosial bagi kanak-kanak yang kematian ibu atau bapa atau kedua-duanya akibat jangkitan COVID-19.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN NURIDAH BINTI  
MOHD SALLEH**

**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 48**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah Kementerian untuk membantu golongan kanak-kanak yang kehilangan ibu bapa disebabkan oleh wabak COVID-19.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DATUK BOBBEY AHFANG  
BIN SUAN**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN NO. 1:**

**Datuk Bobbey Ahfang bin Suan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam memastikan kebajikan ahli-ahli keluarga yang terjejas akibat kematian ibu dan bapa disebabkan COVID-19 dapat dipenuhi dengan kadar yang segera memandangkan ada di antara mereka yang terpaksa menanggung beban setelah bergelar ibu tunggal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR DR. YAAKOB BIN SAPARI**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 7**

**Dr. Yaakob bin Sapari** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bantuan khas untuk anak yatim dan keluarga yang telah kehilangan ibu bapa disebabkan jangkitan COVID-19. Apakah rancangan Kerajaan untuk membantu anak-anak dan keluarga yang ibu bapa mereka meninggal kerana jangkitan COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada **YB Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** bersekali dengan pertanyaan daripada **YB Senator Puan Fadhlina binti Dato' Sidek** pada hari ini, **YB Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh** bertarikh **11 Oktober 2021**, **YB Senator Datuk Bobbey Ahfang bin Suan** bertarikh **12 Oktober 2021** dan **YB Senator Dr. Yaakob bin Sapari** bertarikh **21 Oktober 2021** kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait dan merujuk kepada isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin terhadap kebajikan kanak-kanak yang telah kehilangan ibu atau bapa atau penjaga atau kedua-duanya disebabkan pandemik COVID-19 dan memerlukan pembelaan sewajarnya.

Berdasarkan statistik **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**, **sehingga 27 September 2021**, seramai **4,696 orang** murid sekolah di bawah KPM telah kehilangan ibu / bapa atau penjaga akibat COVID-19 serta menjadi anak yatim atau yatim piatu akibat wabak COVID-19 sejak pandemik ini melanda negara.

Kementerian telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah bagi memberi bantuan serta sokongan kepada kanak-kanak seperti berikut:

- i. **Pemberian bantuan kewangan** bagi menampung keperluan hidup kanak-kanak dan anggota keluarga kanak-kanak. Jenis bantuan yang diberikan adalah **Tabung Bantuan Segera dan Bantuan Kanak-Kanak**. Kerajaan semasa pengumuman Belanjawan Negara 2021 telah bersetuju menaikkan kadar bantuan bulanan di bawah skim Bantuan Kanak-kanak dan Bantuan Pesakit Terlantar kendalian JKM. Bagi kanak-kanak berusia bawah 7 tahun, kanak-kanak layak menerima RM200 seorang manakala bagi kanak-kanak berusia 7 tahun ke atas akan

## SOALAN NO. : 7, 42, 48, 1, 7

memperolehi bantuan sebanyak RM150 bagi seorang kanak-kanak. Untuk pertama kalinya juga kadar bantuan maksimum kanak-kanak dinaikkan daripada RM450 sekeluarga kepada RM1,000 sekeluarga.

- ii. **Perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak** yang menghadapi tekanan emosi akibat kehilangan ibu bapa atau penjaga. Bantuan kaunseling turut diberikan kepada anggota keluarga kanak-kanak sekiranya mereka memerlukan perkhidmatan tersebut. Antara perkhidmatan kaunseling yang disediakan adalah:
  - a) Intervensi Psikologi dan Kaunseling, seperti Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok, Terapi Psikologi;
  - b) Intervensi Krisis dan Sokongan Psikologi Intervensi termasuk Pengurusan Tekanan dan Trauma, *Debriefing Psychology*, *Grief Psychology* dan *Psychology First Aid* (PFA); dan
  - c) Psikopendidikan, Program Psiko-*Spiritual* serta *Art Therapy*.
- iii. **Kanak-kanak boleh ditempatkan di institusi JKM sekiranya kanak-kanak tidak mempunyai waris atau saudara mara yang boleh menjaga mereka berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak 2001.** Kanak-kanak akan diambil perintah sementara melalui mahkamah dan diletakkan sama ada kepada keluarga ganti/Orang Yang Layak Dan Sesuai (OYLS) atau institusi tempat selamat. Sebanyak tujuh (7) Institusi JKM telah ditetapkan mengikut Zon untuk jagaan dan perlindungan kanak-kanak yang kehilangan ibubapa akibat COVID-19. Bagi Zon Utara, Rumah Kanak-kanak (RKK) Pokok Sena, Kedah dan Taman Seri Puteri (TSP) Batu Gajah, Perak. Institusi Taman Seri Puteri Cheras, Selangor dan Rumah Budak Lelaki (RBL) Melaka diletakkan sebagai Zon Tengah dan Zon Timur adalah RKK Mini Kelantan. Manakala bagi institusi di Sabah ialah Taman Seri Puteri Kota Kinabalu dan Sarawak, Taman Seri Puteri, Kuching.

- iv. **Menjalankan kerjasama dengan ahli komuniti setempat seperti Ketua Kampung, Sukarelawan dan Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) serta Komuniti Rukun Tetangga** untuk memberi bantuan dan sokongan secara berterusan kepada kanak-kanak dan ahli keluarga kanak-kanak agar mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup. Sebagai makluman, Kementerian telah melaksanakan pelantikan kepada 140 buah Pasukan Pelindungan Kanak-kanak yang merangkumi 983 orang ahli PPKK bagi sesi 2021 hingga 2023.

Tuan Yang di-Pertua,

Tugas dan tanggungjawab dalam membantu kanak-kanak yang telah kehilangan ibu bapa atau penjaga akibat COVID-19 bukan hanya terletak kepada JKM semata-mata tetapi juga melibatkan lain-lain agensi. **Kolaborasi bersama agensi terbabit turut dilaksanakan bagi mendapatkan data-data berkaitan.** Penglibatan pelbagai pihak juga termasuk komuniti setempat amat penting untuk memberi galakan dan sokongan kepada anggota keluarga kanak-kanak agar mereka dapat meneruskan kehidupan.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN SUSAN CHEMERAI  
ANDING**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk melindungi kanak-kanak daripada jenayah pedofilia memandangkan golongan penjenayah pedofilia didapati semakin bertambah setiap tahun di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jenayah pedofilia secara amnya merujuk kepada jenayah seksual terhadap kanak-kanak oleh seorang dewasa, di bawah Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan juga Akta Kanak-kanak 2001.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian adalah:

**1) Jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi dan NGO:**

**Jawatankuasa Bersepadu Pengurusan Isu-Isu Sosial Kanak-Kanak di Media Sosial** diwujudkan bertujuan untuk menggembelng tenaga pakar daripada PDRM, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Badan Bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik dan aktivis masyarakat (individu) dalam memastikan keselamatan kanak-kanak di media sosial terpelihara.

Kementerian ini juga menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak bagi menambahbaik pelaksanaan kempen dan advokasi berterusan serta meningkatkan program berbentuk literasi undang-undang berkaitan keselamatan dan jenayah seksual terhadap kanak-kanak seperti berikut:

- (i) **Kempen membanteras jenayah seksual kanak-kanak di media sosial;**
- (ii) Program **advokasi dan pencegahan oleh JKM dan LPPKN** seperti SAHABAT B.I.J.A.K dan Program Pencegahan Jenayah SEKATA (Keselamatan Keluarga);
- (iii) Program **ilmu keibubapaan** seperti Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA), Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART LPPKN, Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work), dan Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN;
- (iv) **Program PEKERTI@Sekolah dan PEKERTI@PLKN**

Modul LPPKN ini memberi pengetahuan akan bahaya dan risiko salah laku seks kepada kanak-kanak dan remaja;

- (v) Kerjasama strategik dengan **United Nation Population Fund (UNFPA)** bagi tujuan menyebarkan luas kepentingan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) kepada masyarakat pelbagai lapisan umur; dan
- (vi) Advokasi Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial di bawah Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca **Perkahwinan Bawah Umur**.

Selain daripada pelaksanaan kempen dan advokasi, Kementerian ini dengan kerjasama UNICEF dan SKMM turut terlibat dalam kajian *Disrupting Harm: Evidence To Understand Online Child Sexual Exploitation And Abuse* untuk mengkaji jenayah seksual terhadap kanak-kanak atas talian. Laporan kajian ini dijangka dilancarkan pada Mac 2022.

## **2) Inisiatif dalaman kementerian:**

Sebagai halatuju penambahbaikan dasar, Kementerian ini sedang melaksanakan **Semakan semula Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara** yang dijangka siap dan diluluskan Kerajaan pada awal tahun 2022.

Pada tahun depan, Kementerian ini juga bercadang memulakan proses semakan semula Akta Kanak-Kanak 2001 yang telah dipinda kali terakhir pada tahun 2016. Antara perkara yang pernah dibangkitkan untuk disemak adalah perluasan Daftar Kanak-Kanak dan pelaporan wajib kes disyaki oleh orang awam bagi melindungi kanak-kanak daripada jenayah seksual.

Kementerian juga telah membangunkan sistem semakan pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam Daftar Kanak-Kanak yang telah dikuatkuasakan pada 1 April 2019 bagi memantau bekas pesalah untuk memastikan individu tersebut tidak dibenarkan bekerja dengan

## SOALAN NO. : 25

kanak-kanak, contohnya guru, pengasuh, pemandu bas, dan sebagainya. Berdasarkan statistik terkini, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menerima **76 permohonan** bagi menyemak pesalah jenayah seksual kanak-kanak dari pelbagai agensi dan individu. Daripada jumlah permohonan tersebut, seramai **585 individu** telah disemak bagi tempoh Januari hingga Julai 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan adanya usaha-usaha berterusan ini, diharapkan Kerajaan dapat membendung jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang berkait dengan pedofilia daripada terus berlaku dan mewujudkan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI  
DATO' SIDEK**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Fadhlina Binti Dato' Sidek** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan tindakan penguatkuasaan bagi menangani masalah keganasan rumah tangga akibat pandemik COVID-19 dan menuju ke endemik COVID-19 di seluruh negara bagi memastikan keharmonian kehidupan keluarga di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa memberikan perhatian utama terhadap isu keganasan rumah tangga khususnya semasa pandemik COVID-19.

Isu keganasan rumah tangga boleh diklasifikasikan sebagai kesalahan jenayah yang ditangani melalui **peruntukan perundangan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]** di bawah Kementerian ini untuk melindungi hak dan keselamatan mangsa keganasan rumah tangga sama ada wanita, lelaki, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) atau kanak-kanak.

Antara inisiatif dan tindakan berkaitan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh KPWKM dengan kerjasama agensi kerajaan yang terlibat bagi menangani isu tersebut adalah seperti berikut:

- a) menyelaraskan isu, inisiatif dan tindakan pelaksanaan berkaitan keganasan rumah tangga antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan menerusi **platform Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga bagi memastikan keberkesanan gerak kerja dan pengendalian kes** khususnya semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan Pelan Pemulihan Negara;
- b) menyediakan **Tempat Selamat dan Rumah Perlindungan yang boleh diakses** oleh mangsa keganasan rumah tangga di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) termasuk badan bukan kerajaan;
- c) **mengeluarkan Perintah Perlindungan Kecemasan – Emergency Protection Order (EPO)** oleh JKM kepada mangsa keganasan rumah tangga bagi menghalang pelaku terus melakukan keganasan berbentuk fizikal atau ugutan mencederakan;

- d) mengeluarkan Perintah Perlindungan Interim - *Interim Protection Order (IPO)* dan Perintah Perlindungan - *Protection Order (PO)* oleh Mahkamah; dan
- e) mendapatkan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi **memudahkan pergerakan mangsa semasa sekatan jalan raya** untuk membuat laporan atau aduan.

Kementerian berharap agar tindakan pelaksanaan secara bersepadu ini dapat membantu mengurangkan isu keganasan rumah tangga dan menjamin keselamatan mangsa, Di samping itu, ia juga secara tidak langsung boleh menambah baik perkhidmatan dan *response time* dalam kalangan agensi kerajaan kepada mangsa keganasan rumah tangga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN LIM HUI YING**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan oleh pihak Kerajaan untuk melindungi mangsa-mangsa gangguan seksual.



**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM **menyedari wujudnya kekangan** daripada sudut perundangan dan polisi sedia ada terhadap isu gangguan seksual dalam masyarakat. Sehubungan itu, draf Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual (RUU AGS) yang digubal secara kolektif melalui sebuah pasukan projek khas ini berhasrat untuk **menangani isu-isu seperti standard pembuktian yang tinggi, ketiadaan remedi khusus** kepada mangsa selain wujudnya isu dengan izin Tuan Yang di-Pertua ***under-reporting*** kerana mangsa takut dan malu untuk membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Sehubungan itu, RUU ini digubal untuk menambahbaik sistem keadilan sedia ada menerusi **penubuhan tribunal khusus** bagi mengendalikan aduan gangguan seksual dengan cepat dan kos yang minimum menggunakan standard pembuktian imbangan kebarangkalian dan pemberian pampasan atau ganti rugi kepada mangsa.

Pada masa ini, sementara draf RUU ini sedang melalui proses semakan, penambahbaikan dan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk memurnikan lagi RUU ini, kes-kes gangguan seksual sedang ditangani melalui **akta dan peraturan lain** seperti:

- i. Kanun Keseksaan [*Akta 574*];
- ii. Akta Kerja 1995 [*Akta 265*];
- iii. Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U (A) 395/1993]; dan
- iv. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2018 iaitu Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam.

Bagi kes gangguan seksual terhadap **kanak-kanak** pula, ia turut ditangani secara khusus melalui Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 [*Akta 792*].

Sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gangguan seksual, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) terutamanya, **sedang melipatgandakan usaha-usaha meningkatkan kesedaran dan program-program advokasi** untuk mengelakkan perlakuan tersebut daripada terus berleluasa sama ada secara fizikal, visual ataupun lain-lain bentuk. Pada tahun ini sehingga Jun 2021, sebanyak 53 program telah dilaksanakan oleh JPW bertujuan untuk memberikan kesedaran mengenai perkara ini dengan penglibatan seramai 11,367 peserta di seluruh negeri.

KPWKM juga **menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak** bagi menambahbaik pelaksanaan kempen dan advokasi berterusan seperti berikut:

- (i) Kempen membanteras jenayah seksual kanak-kanak di media sosial;
- (ii) Program advokasi dan pencegahan oleh JKM dan LPPKN seperti SAHABAT B.I.J.A.K dan Program Pencegahan Jenayah SEKATA (Keselamatan Keluarga);
- (iii) Program ilmu keibubapaan seperti Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak (PEKA), Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART LPPKN, Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work), dan Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN; dan
- (iv) Penubuhan Skwad Waja untuk memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita termasuklah berkenaan gangguan seksual.

Sebagai halatuju penambahbaikan dasar, KPWKM juga sedang melaksanakan semakan semula Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara yang dijangka siap dan diluluskan Kerajaan pada awal tahun 2022.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan adanya usaha-usaha berterusan ini, diharapkan Kerajaan dapat membendung isu gangguan seksual daripada terus berlaku dan mewujudkan persekitaran yang selamat untuk wanita, lelaki dan juga kanak-kanak di negara kita.

Sekian, terima kasih.